

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

18. Sejauh manakah hasrat Pelan Bandar Pintar (*Smart City*) dilaksanakan di peringkat pentadbiran negeri Pulau Pinang?
- (a) Jelaskan cabaran dan halangan yang utama bagi menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pintar.
  - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri yang pintar?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Negeri Pulau Pinang kini sedang menuju Bandar Pintar (*Smart City*) bertaraf antarabangsa pada tahun 2025 selaras dengan transformasi digital dan Revolusi Industri 4.0 di peringkat global tanpa mengetepikan aspek mampan (*sustainable*) melalui tadbir urus dan inisiatif pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Bandar Pintar pada 20 April 2016 dan pada 7 Jun 2017, Kerajaan Negeri telah menetapkan visi, Pulau Pinang Menuju Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa (*Penang Towards A Smart International City*) dengan tema 'Data Umpama Raja, Bakat Adalah Segalanya' (*Data is King, Talent is Everything*). Pembangunan Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang adalah penting dalam memastikan Pulau Pinang

setaraf dengan bandar membangun lain dengan memastikan kelestarian sosial, ekonomi dan persekitaran demi masa depan generasi seterusnya.

- (a) Revolusi Industri 4.0 adalah antara cabaran utama dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar terutamanya dalam penyediaan jajaran fiber optik yang amat tinggi kosnya. Namun, melalui pelaksanaan Polisi Pintu Terbuka (*Open Door Policy*) oleh Kerajaan Negeri, kini Negeri Pulau Pinang telah diliputi 50% jajaran fiber optik hasil kerjasama dan pelaburan pelbagai syarikat pembekal infrastruktur telekomunikasi dan digital.

Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Pintar, *Penang Smart Delivery Unit* (PSDU) di Bahagian Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengetuai inisiatif Bandar Pintar di peringkat Negeri Pulau Pinang dengan mewujudkan tadbir urus Bandar Pintar, menggubal polisi dan dasar berkaitan konsep pelaksanaan serta mekanisme pemantauan dalam pembangunan Bandar Pintar melalui penetapan empat (4) teras strategic; Infrastruktur, Data, Tadbir Urus dan Rakyat. Satu dokumen *Roadmap: Penang Towards A Smart International City* sedang disediakan bagi memaklumkan mengenai inisiatif-inisiatif pintar yang telah dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi di Negeri Pulau Pinang meliputi lima (5) domain pintar iaitu Komuniti Pintar, Persekitaran Pintar, Mobiliti Pintar, Ekonomi Pintar dan Kerajaan Pintar. Kerajaan Negeri amat menggalakkan pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi melalui pengetahuan dan pendedahan yang diperolehi daripada simposium atau seminar berkaitan Bandar Pintar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah disertai.